

18 MAR 2003

Mahathir-Iraq/I

PENDAPAT AWAM DI AMERIKA BOLEH BANTU HINDAR SERANGAN DI IRAQ

Oleh: Mokhtar Hussain

BRASILIA, 18 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata pendapat orang ramai di Amerika Syarikat boleh membantu menghalang kerajaan negara itu daripada menyerang Iraq seperti yang terbukti semasa Perang Vietnam.

"Jika kita ingat tentang Perang Vietnam, yang memaksa kerajaan Amerika menghentikan perang itu adalah pendapat awam," kata Perdana Menteri yang berada di Brazil untuk lawatan rasmi dua hari.

Oleh itu, kata Dr Mahathir, satu-satunya perkara yang dapat dilakukan oleh masyarakat dunia ialah menyatakan pendapat mereka kepada rakyat Amerika.

"Kita mungkin sependapat dan kita boleh menyampaikan pendapat kita khusus kepada rakyat mereka sendiri. Tidak ada faedahnya merayu kepada kerajaan (Amerika)...Rakyat Amerika nampaknya masih ragu-ragu dan terdapat andaian bahawa Amerika tidak seharusnya berperang," katanya pada sidang media selepas mengunjungi Presiden Brazil, Luiz Inacio Lula da Silva.

Beliau ditanya tentang tindakan yang boleh diambil oleh negara-negara membangun seperti Malaysia dan Brazil di saat-saat akhir ini untuk menghalang Amerika dan sekutu-sekutunya daripada menyerang Iraq.

Presiden George W.Bush hari ini memberi tempoh selama 48 jam kepada Presiden Saddam Hussein untuk meninggalkan Iraq kerana jika tidak, perang akan berlaku.

Dr Mahathir berkata badan-badan bukan kerajaan di Malaysia dan di Brazil perlu menggunakan rakan-rakan atau hubungan mereka di Amerika untuk mempengaruhi rakyat Amerika supaya tidak menyokong peperangan.

"Mungkin dengan itu, kita boleh memaksa kerajaan (Amerika) menukar fikirannya," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata Presiden Lula telah mengutus surat kepada Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Kofi Annan mencadangkan satu mesyuarat diadakan di kalangan ketua-ketua kerajaan yang tidak diwakili dalam Majlis Keselamatan supaya mereka dapat memberikan pendapat mereka.

Dr Mahathir berkata sejarah akan berulang jika Amerika Syarikat terlibat dalam peperangan tanpa kebenaran PBB.

"Seperti kita tahu, (bekas Presiden Amerika Syarikat) Woodrow Wilson merupakan orang yang mencadangkan penubuhan League of Nations. Selepas itu, Amerika menarik diri daripada League of Nations, dan itu menyebabkan League of Nations gagal."

"Jika Amerika mengetepikan pendapat PBB, maka sejarah akan berulang. Ini akan membawa bencana kepada dunia kerana ia bermakna tidak akan ada lagi perbincangan dalam urusan dunia," katanya.

Perdana Menteri berharap Amerika Syarikat akan menimbang secara serius kesan daripada hasratnya untuk menyerang Iraq tanpa kelulusan PBB.

Beliau berkata peperangan tidak menguntungkan sesiapa termasuk negara-negara Barat kerana "sekalipun mereka menang peperangan itu dalam masa sehari, kesannya akan berkekal untuk jangka masa yang amat panjang."

Kepada satu soalan oleh wartawan Brazil tentang bagaimana negara itu dapat membaiki kedudukan ekonominya, Dr Mahathir mencadangkan agar negara itu menukar corak perdagangannya dengan tidak terlalu bergantung kepada negara-negara Utara.

Beliau berkata bahawa sejak beberapa tahun lepas, Malaysia telah menukar rakan perdagangan dan kini menjalin hubungan dengan negara-negara

di Asia Barat, Asia Tenggara dan Amerika Latin berdasarkan kerjasama Selatan-Selatan.

"Corak perdagangan perlu ditukar. Jika Brazil dan Malaysia dapat merintis jalan, maka kita boleh gerakkan Mercosur (satu kawasan perdagangan bebas di Amerika Selatan), dan negara-negara Asean untuk meningkatkan perdagangan mereka.

"Dengan itu, kita boleh menghalang kemungkinan diheret oleh negara-negara Utara yang kini nampaknya semakin gagal. Dalam aspek pelaburan asing, tidak banyak pelaburan dibuat hari ini kerana pelabur bimbang untuk melabur dalam dunia yang tidak stabil," katanya.

Kepada satu soalan lain, Dr Mahathir berkata beliau telah menjelaskan kepada Presiden Lula tentang bagaimana Malaysia pulih daripada krisis kewangan.

Katanya pemimpin Brazil itu berminat untuk mengetahui lebih lanjut, dan beliau akan menghantar sebuah buku tentang bagaimana Malaysia menguruskan krisis itu kepada Penasihat Kewangan kepada Presiden.

Bagaimanapun, menurut Dr Mahathir, formula yang digunakan oleh Malaysia mungkin tidak sesuai untuk Brazil kerana Malaysia enggan meminjam daripada Tabung Kewangan Antarabangs (IMF).

Brazil sebaliknya menerima US\$30 bilion (RM114 bilion).

-- BERNAMA

MOK AHH MAI